

NO. SOALAN: 482

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Wong Chen minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sebab tarif elektrik tidak menurun walaupun harga gas asli dan arang batu telah jatuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penentuan tarif elektrik di Semenanjung adalah dibuat berdasarkan kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen tarif asas atau *Base Tariff*, dengan izin dan komponen *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin. Tarif asas mengambil kira harga asas bahan api utama bagi gas berpaip, arang batu dan gas asli cecair. Tarif asas juga mengambil kira kos operasi dan pembangunan pihak utiliti termasuk *Return on Regulated Asset Base* (RORB), dengan izin, yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk tempoh 4 tahun bermula pada 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2017.

2. Mekanisme ICPT pula merupakan mekanisme yang mengambil kira kos sebenar bahan api dan kos sebenar penjanaan, di mana sebarang pengurangan atau peningkatan kos akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan setiap 6 bulan. Kedua-dua komponen tarif inilah yang menentukan jumlah

sebenar bil yang perlu dibayar oleh pengguna elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad.

3. Memandangkan Kerajaan telah menetapkan kadar tarif asas iaitu 38.53sen/kWj hingga 31 Disember 2017, sebarang semakan semula yang dibuat terhadap tarif elektrik hingga tarikh tersebut adalah hanya untuk menyelaraskan kos bahan api dan kos penjanaan bekalan elektrik.
4. Pada ketika ini, sungguhpun harga bahan api seperti minyak mentah, arang batu dan gas di pasaran dunia telah turun mendadak, ianya tidak dapat diterjemahkan kepada kadar tarif yang lebih rendah kerana faktor pertukaran nilai mata wang asing atau Foreign Exchange, dengan izin, di mana kemerosotan nilai ringgit berbanding dollar Amerika Syarikat telah menyebabkan harga bahan api dalam nilai ringgit adalah tinggi. Namun begitu, Kerajaan sedar akan kos sara hidup yang semakin meningkat mempunyai kesan ke atas kesejahteraan hidup rakyat. Oleh itu Kerajaan telah menggunakan penjimatan daripada rundingan semula penjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan IPP Generasi Pertama untuk memberi rebat sebanyak dua kali seperti berikut:

- (i) rebat sebanyak 2.25 sen/kWj bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 31 Disember 2015; dan
 - (ii) rebat sebanyak 1.52 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016.
- ,
5. Melalui pemberian rebat ini, semua pengguna domestik yang menggunakan elektrik melebihi 300kWj sebulan serta semua pengguna komersial dan industri telah dikenakan kadar kenaikan tarif elektrik yang lebih rendah bagi setiap kWj yang digunakan.
- .
6. Oleh itu, kenyataan Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa tarif elektrik di Semenanjung tidak turun walaupun harga minyak telah turun adalah tidak tepat. Kerajaan telah merangka satu mekanisme yang telus bagi menyelaraskan sebarang perubahan dalam kos pembekalan elektrik bagi memastikan pengguna elektrik membayar pada kos sebenar. Melalui pendekatan ini, Kerajaan dapat memastikan kemampuan industri bekalan elektrik dan pada masa yang sama, dapat memastikan pengguna mendapat bekalan elektrik yang tersedia dan berdaya harap.
